


**LAPORAN SOAL SELIDIK PENERIMAAN
DAN PENCAPAIAN PELAJAR
PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN
BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU
(ACCREDITATION OF PRIOR
EXPERIENTIAL LEARNING, APEL) DI
PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)
[TAHUN 2018]**



AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

Bahagian Standard

LAPORAN SOAL SELIDIK PENERIMAAN DAN PENCAPAIAN PELAJAR PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU (ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING, APEL) DI PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

TAHUN 2018

KANDUNGAN


1.0	PENGENALAN	2
2.0	DAPATAN KAJIAN	3
3.0	KESIMPULAN	10

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL) bagi tujuan akses telah mula dilaksanakan di Malaysia bermula pada tahun 2011.
- 1.2. Bagi mengetahui keberkesanan pelaksanaannya, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menjalankan soal selidik yang bertujuan untuk:
 - i. Mengetahui penerimaan pelaksanaan APEL oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT); dan
 - ii. Menjejaki prestasi pelajar yang menggunakan Sijil APEL sebagai kelayakan masuk ke PPT di Malaysia.
- 1.3. Maklumat soal selidik yang diterima ini sangat berguna kepada MQA untuk menambah baik sistem sedia ada demi meningkatkan kualiti pelaksanaan APEL di Malaysia, seterusnya melestarikan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.4. Bahagian Standard, MQA telah menjalankan soal selidik penerimaan dan pencapaian pelajar APEL di PPT secara dalam talian pada 29 Oktober hingga 30 November 2018. Soalan soal selidik adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 1.5. Sebanyak 54 PPT telah memberikan maklum balas kaji selidik tersebut yang dirangkumkan dalam laporan ini.
- 1.6. Sebarang pertanyaan mengenai laporan soal selidik ini boleh dikemukakan kepada urus setia berikut:
 - i. Puan Farhanah Mohamad - 03-79683348 (farhanah@mqa.gov.my)
 - ii. Puan Norlida Abdul Hamid - 03-79687109 (norlida@mqa.gov.my)


2.0 DAPATAN KAJIAN

2.1. Jenis PPT




Carta 1 menunjukkan majoriti responden adalah daripada PPT swasta iaitu sebanyak 46 buah PPT (85%). Sementara lapan lagi responden (15%) adalah daripada PPT awam.

2.2. Klasifikasi PPT




Merujuk kepada **Carta 2**, didapati 28 responden (52%) adalah PPT bertaraf Universiti dan Kolej Universiti, 21 responden (39%) pula adalah PPT kategori lain-lain iaitu PPT bertaraf kolej ataupun institusi dan 5 responden (9%) adalah PPT kategori Universiti Swa.

2.3. Jumlah keseluruhan pelajar yang berdaftar di PPT



Carta 3 memaparkan 21 daripada 54 PPT mempunyai pelajar melebihi 3001 orang, manakala 19 PPT lagi mempunyai kurang daripada 1000 orang pelajar di PPT mereka. 11 PPT mempunyai pelajar di antara 1001 hingga 2000 manakala tiga PPT mempunyai pelajar antara 2001 hingga 3000 orang di PPT mereka.

2.4 Sejak tahun bila pelajar yang menggunakan sijil APEL diterima masuk ke PPT anda? Nyatakan bilangan pelajar.



Nota:

Jumlah pelajar yang dilaporkan pada tahun 2018 adalah lebih rendah berbanding tahun 2017 kerana terdapat IPT berstatus terbuka yang memaklumkan bahawa data yang diberikan pada tahun 2017 adalah termasuk jumlah pelajar dibawah sistem kemasukan terbuka dan APEL(A) dalaman.

Carta 4 menunjukkan bilangan pelajar yang diterima masuk ke PPT mengikut tahun. Jumlah keseluruhan pelajar yang diterima masuk ke PPT berdasarkan dapatan soal selidik bagi tahun 2018 ini direkodkan seramai 575 orang.

Didapati terdapat peningkatan yang memberangsangkan terhadap penerimaan pelajar laluan APEL di PPT semenjak tahun 2011 walaupun terdapat sedikit penurunan bilangan kemasukan pelajar melalui APEL(A) pada tahun 2017 dan 2018. Bermula dari tahun 2012, didapati peningkatan penerimaan pelajar APEL(A) meningkat sekitar 23 hingga 148 peratus.

Ini menunjukkan bahawa penerimaan pelajar yang diterima masuk untuk melanjutkan pengajian di PPT melalui saluran APEL adalah sangat positif.

2.5. Adakah pelajar laluan APEL dapat mengikuti pengajian seperti mana pelajar laluan biasa?




Merujuk kepada **Carta 5**, 53 PPT (98%) menyatakan bahawa pelajar laluan APEL dapat mengikuti pengajian seperti mana pelajar laluan biasa. Sementara hanya satu (2%) PPT menyatakan tidak. Ini menunjukkan bahawa pelajar laluan APEL juga boleh mengikuti pengajian mereka dengan baik seperti mana pelajar laluan biasa.

2.6. Jika tidak, nyatakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar APEL?


Berdasarkan maklum balas daripada soalan di perkara 2.5, hanya terdapat satu PPT yang memberikan maklum balas dengan ulasan pelajar menangguhkan pengajian.

2.7. Adakah terdapat pelajar laluan APEL yang meninggalkan PPT setelah mendaftar?



Carta 6 menunjukkan 13 PPT (24%) menyatakan terdapat pelajar APEL yang meninggalkan PPT setelah mendaftar. Manakala selebihnya, iaitu 41 PPT (76%) menyatakan tiada pelajar yang meninggalkan PPT setelah mendaftar.

2.8. Jika ya, sila senaraikan butiran pelajar berkenaan.




Berdasarkan statistik tahunan yang ditunjukkan dalam Carta 7, jumlah keseluruhan pelajar yang telah meninggalkan PPT adalah seramai 44 orang dengan jumlah terbesar sebanyak 12 orang pada tahun 2015 (27%).

Antara sebab pelajar meninggalkan PPT seperti yang dinyatakan oleh PPT melalui soal selidik adalah seperti berikut:

- i. Komitmen kerja.
- ii. Pertukaran tempat bertugas.
- iii. Bersalin.
- iv. Masalah kewangan.
- v. Masalah kesihatan.
- vi. Masalah peribadi.
- vii. Hilang minat untuk belajar.
- viii. Tangguh pengajian.
- ix. Bertukar institusi pengajian.
- x. Tidak mampu menguasai pembelajaran.
- xi. Meninggal dunia.

2.9. Maklumat pelajar APEL yang mengikuti program di PPT.




Rajah 8 menunjukkan jumlah pelajar laluan APEL(A) yang mengikuti program pengajian di PPT mengikut tahap program. Peratusan mengikut tahap adalah seperti berikut:

- Sijil (Tahap 3, Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM)) – 0.19%
- Diploma (Tahap 4, KKM) – 26.74%
- Ijazah Sarjana Muda / Diploma Siswazah (Tahap 6, KKM) – 54.80%
- Ijazah Sarjana (Tahap 7, KKM) – 18.27%

Jadual 1 : Prestasi Pelajar APEL Mengikut Purata Nilai Gred Kumulatif

<i>Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Peratus (%)</i>
3.70 – 4.00	31	5.84
2.50 – 3.69	250	47.08
2.00 – 2.49	72	13.56
< 2.00	42	7.91
<i>Belum menduduki peperiksaan /belum ada PNGK / tiada pengiraan PNGK</i>	136	25.61
Jumlah	531	100

Jadual 1 di atas menunjukkan keputusan peperiksaan pelajar berasaskan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Seramai 31 orang pelajar (5.84%) memperolehi keputusan cemerlang dengan PNGK 3.70 dan ke atas. Manakala majoriti pelajar iaitu 250 orang (47.08%) memperolehi PNGK antara 2.50 hingga 3.69. Seramai 72 orang pelajar (13.56%) memperolehi PNGK 2.0 dan ke bawah. Data di atas menunjukkan pelajar laluan APEL berupaya mengikuti pengajian dan mencapai prestasi yang memberangsangkan seperti mana pelajar laluan biasa. Data yang dipaparkan mengambil kira pelajar yang sedang belajar serta telah bergraduat.



Rajah 9 memaparkan seramai 76 orang pelajar laluan APEL telah bergraduat sejak tahun 2014.

2.10. Ulasan/ Cadangan terhadap pelaksanaan APEL.

Dalam soal selidik ini, responden juga diminta untuk memberikan ulasan/ cadangan sekiranya ada. Berikut adalah ulasan/ cadangan yang diterima:

- i. Dicadangkan had umur kemasukan untuk MQF Tahap 4 diturunkan kepada 19 tahun.
- ii. Pihak MQA mesti meminta bukti pengalaman kerja calon dan harus mengadakan temuduga dengan calon. Laporan mengenai prestasi calon kepada PPT amatlah berguna.
- iii. Mempercepatkan proses status kelulusan pemohon APEL(A) sama ada dibenarkan atau tidak. Ini kerana terlalu lama seorang pemohon menunggu, terutama di negeri Sabah.
- iv. Dicadangkan agar institusi yang menguruskan penilaian APEL(A) diperbanyakkan. Selain itu, bentuk penilaian APEL(A) dipermudahkan dan praktikal serta diangkat untuk mendapatkan pengiktirafan kelayakan APEL(A) daripada JPA dalam skim perkhidmatan.
- v. Majoriti orang awam masih tidak mengetahui tentang peluang melanjutkan pelajaran melalui APEL. Majikan perlu memainkan peranan untuk memberi galakan dan inisiatif kepada pekerja yang ingin melanjutkan pelajaran.
- vi. Penggunaan APEL(A) masih lagi tidak mendapat sambutan bagi masyarakat di Sarawak. Ini mungkin terjadi kerana kekurangan promosi.
- vii. Berdasarkan kepada rekod pengajian yang ada, pelajar menerusi saluran APEL(A) dapat mengikuti pengajian dengan baik.
- viii. Cabaran dihadapi apabila memproses permohonan APEL(A) untuk program pengajian pada tahap ijazah sarjana yang memerlukan kelayakan minimum diploma terutama apabila terdapat diploma daripada pelbagai era sebelum wujudnya LAN.

- ix. Secara umum, pelajar APEL dapat melalui pembelajaran sebagaimana pelajar kemasukan biasa. Jika lebih banyak institusi digalakkan dan diluluskan untuk melaksanakan penilaian APEL(C), ia akan meningkatkan pengambilan pelajar melalui aliran APEL.

3.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan yang diterima melalui soal selidik ini, boleh disimpulkan bahawa:

- i. Pelaksanaan APEL mendapat kerjasama dan sokongan yang baik daripada pihak PPT.
- ii. Jumlah pengambilan pelajar melalui Sijil APEL di PPT meningkat dari tahun ke tahun.
- iii. Bilangan pelajar APEL yang meninggalkan PPT adalah rendah.
- iv. Kebanyakan pelajar laluan APEL menyambung pengajian pada tahap Ijazah Sarjana Muda/ Diploma Siswazah (Tahap 6, KKM).
- v. Keputusan peperiksaan pelajar laluan APEL adalah memuaskan yang mana majoritinya adalah di antara PNGK 2.50 – 3.69 (47.08%).
- vi. Pelajar laluan APEL didapati boleh mengikuti pengajian sebagaimana pelajar laluan biasa.
- vii. MQA perlu tingkatkan promosi tentang APEL(A) kepada pihak umum dan majikan.
- viii. Membanyakkan Pusat Penilaian APEL (PPA) terutama di Sabah dan Sarawak.